

## MBM gesa kerajaan pandang serius isu kos sara hidup belia

**Kuala Lumpur:** Majlis Belia Malaysia (MBM) meminta kerajaan memandang serius isu kos sara hidup dalam kalangan belia.

Presiden MBM, Jufitri Joha, berkata ia merangkumi isu pendidikan, pengangkutan awam dan kesihatan.

Beliau yang juga Ahli Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), berkata sesi dialog yang diadakan bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, sebelum ini banyak menyentuh perkara itu yang bertujuan membantu majlis terbabit merangka pelan strategik dalam mengawal isu ini.

"Antara isu yang menjadi persoalan dalam kalangan peserta adalah hal berkaitan pemilikan rumah dan bantuan pendidikan berkurangan.

"Peserta dialog memuji inisiatif pihak kementerian memperkenalkan inisiatif Food Bank dan pas perjalanan tanpa had My100 serta My50 yang sedikit sebanyak mengurangkan beban kos sara hidup dalam kalangan belia.

"Beliau (Saifuddin) turut tertarik dengan beberapa input dan idea baharu dicadangkan, termasuk penyediaan latihan kepada majikan dalam menerima pekerja Orang Kurang Upaya (OKU).

"Keperluan pemberian subsidi dalam pembelian alat bantuan golongan itu yang harganya mahal di pasaran turut mendapat perhatian serta akan dipertimbangkan untuk diberikan potongan cukai," katanya dalam kenyataan, semalam.

Justeru, Jufitri berkata, pihaknya menyokong penuh sesi dialog



**MBM sokong penuh sesi dialog yang turut diadakan pada peringkat negeri sebagai platform belia akar umbi sampaikan hasrat mereka.**

**Jufitri Joha,**  
Presiden MBM

yang turut diadakan pada peringkat negeri sebagai platform belia akar umbi dalam menyampaikan hasrat mereka di samping membantu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) mendapatkan input.

"MBM mahu belia mengambil peluang ini menyampaikan isi hati mereka kepada kerajaan berdasarkan tujuh kluster utama (kesihatan, pendidikan, utiliti, perumahan, e-dagang, pengangkutan, makanan) yang mempengaruhi kepada kos sara hidup belia dan rakyat," katanya.